

# DINAMIKA PENGGUNAAN PERKATAAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan<sup>i</sup>

<sup>i</sup> Ketua Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Emel: [masakaree@usas.edu.my](mailto:masakaree@usas.edu.my)

## ABSTRAK

Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah menimbulkan polemik dan kontroversi antara golongan Salafiah, Asya'irah dan Maturidi. Salafiah mendakwa ia adalah istilah khusus untuk mereka yang melaksanakan sunah nabi SAW. Sebagai pengamal sunah, Salafiah turut mendakwa bahawa mereka adalah golongan yang diselamatkan berbanding dengan golongan-golongan lain yang dianggap sesat. Demikianlah istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah dimonopoli oleh golongan Salafiah. Mereka mula menuduh para ulama Kalam yang terdiri daripada golongan Asya'irah dan Maturidi hingga menyebabkan perpecahan meluas dalam kalangan umat Islam. Bilakah istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah mula digunakan dan bagaimanakah perubahan maksudnya dari masa ke semasa. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji dinamika istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah menerusi penelitian kepustakaan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak pernah direkodkan di dalam al-Quran dan juga hadis nabi SAW. Ia muncul sekitar penghujung abad ke-3 bagi tujuan mengklasifikasikan kriteria Ahli Fikah dalam menentang Ahli Bidaah dan diwarisi kemudiannya oleh Ahli Kalam dalam kalangan Asya'irah dan Maturidi hingga kebangkitan gerakan Salafiah yang mempromosikan pengamalan sunah nabi secara murni.

**Kata-kata kunci:** Ahli Sunnah Wal Jamaah, Asya'irah, Maturidi, Salafiah.

## PENDAHULUAN

Fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan bahagian yang sangat rapat dan tidak terpisah daripada kehidupan setiap Muslim (Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa, 2016). Ia merupakan mazhab utama umat Islam. Ahli Sunnah Wal Jamaah turut berkembang pesat di seluruh dunia termasuklah di rantau Nusantara dan Malaysia (Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat, 2018). Dalam aspek akidah pegangan yang dihayati dan sebatinya ialah fahaman Asya'irah dan Maturidiah (Abdul Shukor Husin, 1998). Ia dapat dilihat menerusi kitab-kitab akidah yang menjadi bahan pengajian dan sumber rujukan sama ada di institusi pengajian formal yang menawarkan pengajian Islam atau di institusi tidak formal seperti pengajian halaqah di masjid, atau surau. Keseluruhannya menggunakan kitab berorientasikan aliran Asyairah dan Maturidiah yang ditulis sendiri oleh tokoh-tokohnya, baik dalam bahasa Melayu, Arab atau terjemahan. Sementara kitab dalam aliran lain tidaklah banyak atau popular (Abdul Shukor Husin, 1998).

Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah turut menjadi rebutan ramai para ulama. Golongan Salafiah mendakwa bahawa mereka adalah golongan yang paling berhak mendapat gelaran tersebut, kerana mereka merupakan pengamal sunah nabi SAW secara tulen berbanding dengan golongan Islam lain. Manakala Asya‘irah dan Maturidi pula, mendakwa bahawa mereka lah yang mempertahankan Islam dan Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada serangan ahli Bidaah sepanjang zaman. Selain Salafiah, Asya‘irah dan Maturidi, Golongan Syiah juga turut terlibat dan mengambil kesempatan dengan dakwaan tersebut.

Akhir-akhir ini wujud usaha-usaha pengeliruan bagi menimbulkan kecelaruan tentang siapakah yang dikatakan Ahli Sunah Wal Jemaah (Wan Zahidi bin Wan Teh, 2024b). Mereka menafikan kedudukan Abu al-Hasan al-Asy‘ari (260-324 H.) dan Abu Mansur al-Maturidi (-333 H.) dalam keseluruhan kerangka mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hal ini terjadi berpunca daripada pemikiran akidah kedua-dua tokoh ini yang dilihat terlibat dengan penggunaan akal, dan tergolong dalam golongan Ahli Kalam. Pelbagai label turut diberikan seperti Ahli Bidaah, Ahl al-Ahwa’ yang sama taraf dengan golongan menyeleweng lain seperti al-Jahmiyyah, al-Mu’tazilah, al-Muji’ah, Syiah, al-Karamiyyah, al-Mushabbihah dan lain-lain (Zakaria Stapa, 2011).

“Cabaran utama terhadap pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah dewasa ini ialah daripada golongan yang menganut fahaman Wahabi yang diasaskan oleh Muhammad Bin Abdul Wahab (1703-1792) (Wan Zahidi bin Wan Teh, 2024b).

Perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah berasal daripada gabungan empat kalimah Arab iaitu *Ahl, al-Sunnah, wa* dan *al-Jamaah*. Gabungan keempat-empat kalimah ini tidak pernah direkodkan di dalam al-Quran dan juga hadis Nabi SAW. Bilakah keempat-empat perkataan ini mula digabungkan? Bagaimanakah perubahan maksudnya dari masa ke semasa?

Artikel ini akan dimulakan dengan pengenalan ringkas kepada definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah, disusuli dengan kemunculan perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah, kemunculan Ahli Sunnah Wal Jamaah, dakwaan Salafiah sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan diakhiri dengan kesimpulan.

## **DEFINISI AHLI SUNNAH WAL JAMAAAH**

### **Bahasa**

*Al-Sunnah* sudut bahasa ialah jalanan atau cara yang dilalui, sama ada baik atau pun buruk. Bila dikatakan si fulan adalah dari *Ahl al-Sunnah*, maka ertiinya dia dari orang-orang yang berada di jalan yang lurus dan terpuji (Ibn Manzur, 1405). Jika dihubungkan perkataan *ahl* dan *al-sunnah*, maka dapat dimaksudkan sebagai golongan manusia yang mendokong serta berpegang dengan sunnah Rasulullah SAW (Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat, 2018).

Perkataan *al-jama‘ah* pula ialah sesuatu yang berbilang-bilang atau banyak bilangannya (Ibn Manzur, 1405). Menurut Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat (2018) pengertian *al-jama‘ah* di sini, masih memerlukan penjelasan lebih terperinci dalam definisi khusus Ahli Sunnah Wal Jamaah bagi menentukan aliran atau kumpulan manakah yang termasuk dalam

kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

### Istilah

Diketahui umum dalam kalangan para ulama bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah mereka yang mengikuti manhaj Rasulullah SAW. dan para sahabatnya yang mulia. Mereka tidak menyimpang dengan melakukan bidaah atau mengikuti hawa nafsu (Fudah, 2016). Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa (2016) di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan merumuskan daripada tulisan para ulama mengenai Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah: mereka yang berpegang dengan al-Quran dan Sunah, akidah mereka sesuai dengan keterangan yang terdapat di dalam kedua-duanya mengikut fahaman salaf soleh daripada para sahabat, tabiin dan yang mengikut mereka daripada kalangan para imam dan ulama mazhab yang muktabar. Rumusan sama turut dinukilkan oleh Mufti Negeri Perak, Wan Zahidi bin Wan Teh (2024).

Abu al-'Abbas, Taqiy al-Din Ahmad bin 'Abd al-Halim atau yang lebih dikenali sebagai Ibn Taymiyyah (661-728 H.) membahagikan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada dua bahagian; umum dan khusus. Istilah umum ialah mereka yang mengakui tiga khalifah awal iaitu Abu Bakr, Umar dan Uthman. Maka semua orang Islam dikira sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah kecuali golongan Syiah al-Rafidah. Manakala khusus pula, ialah mereka yang menetapkan sifat Allah dari kalangan Ahli Hadis dan Sunah sahaja. Mereka berkata: Al-Quran bukan makhluk, Allah dapat dilihat di akhirat nanti, mengesahkan adanya takdir Allah, dan prinsip-prinsip lain yang diperkenalkan oleh Ahli Hadis dan Sunah. Maka terkeluarlah golongan-golongan Islam lain seperti Muktazilah, Asya'irah dan Maturidi daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah (Ibn Taymiyyah, 1986). Tareq Al-Suwaidan (2014) yang berakidah Ahli Hadis turut beranggapan bahawa usaha penyisihan Asya'irah dan Maturidi telah memecahbelahkan Ahli Sunnah kerana 95 peratus umat Islam terdiri daripada mereka.

Pembahagian istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada umum dan khusus oleh Ibn Taymiyyah turut dinukilkan oleh Johari b. Mat (1997) dalam sebuah artikel bertajuk "Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah: Satu Pengenalan". Nukilan tersebut tidak merujuk kepada Ibn Taymiyyah dan tidak menyentuh kedudukan Asya'irah dan Maturidi dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Selain itu, pembahagian tersebut turut dinukilkan juga dalam fatwa Islam web, no.38987, pada Isnin 24 Sya'ban 1424 bersamaan 20 Oktober 2003, bertajuk *Ahl al-Sunnah wa al-'Asya'irah wa al-Maturidiyyah*.

Kedudukan Asya'irah dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah turut dibincangkan oleh Engku Ahmad Zaki Bin Engku Alwi (2007). Dalam hal ini, Engku Ahmad Zaki lebih berkecenderungan kepada pandangan al-Syeikh 'Abd al-'Aziz b. Baz (1912-1999 M.) iaitu Asya'irah sebenarnya tidak terkeluar daripada aliran Ahl Sunah Wal Jamaah dalam kebanyakan persoalan akidah, tetapi mereka terkeluar daripada aliran Ahl al-Sunnah dalam persoalan mentakwilkan sifat-sifat Allah SWT.

Al-Bakki, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abi al-Fadl Qasim (-916 H.) merumuskan bahawa kesemua Ahli Sunnah Wal Jamaah bersepakat dengan satu akidah. Namun, mereka berbeza dalam pendekatan kaedah dan prinsip. Secara umumnya, mereka terbahagi kepada tiga kelompok; Pertama, Ahli Hadis yang prinsip pegangannya berteraskan *al-Sam'iyyah* iaitu al-

Quran, Sunah dan Ijmak. Kedua, *Ahl al-Nazar al-'Aqli wa al-Sina 'ah al-Fikriyyah* (pendokong hujah pengamatan akal dan pembentukan pemikiran) yang terdiri daripada golongan Asya'irah yang dipimpin oleh Abu al-Hasan al-Asy'ari dan golongan Hanafiah yang dipimpin oleh Abu Mansur al-Maturidi. Ketiga, *Ahl al-Wijdan wa al-Kasyf*. Golongan ini terdiri daripada Ahli Sufi yang berpegang kepada prinsip kumpulan pertama dan kedua sebagai permulaan dasar mereka dan diakhiri dengan prinsip Ilham (Al-Bakki, 1995).

Rumusan al-Bakki turut dinukil oleh Murtada al-Zabidi (1145-1205 H.) dalam *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Syarhi Ihya' Ulum al-Din* (Murtada, 1994). Seterusnya, Said Fudah (2016) dalam sebuah artikel bertajuk *Ta'rif 'Am bi Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang dibentangkan dalam *Al-Mu'tamar al-'Alami li 'Ulama al-Muslimin: Man Hum Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di Grozny pada 25-27 Ogos 2016. Selanjutnya, Muhammad Ayman Al-Akiti dalam paparan (slaid) bertajuk *Man Hum Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Selangor Namuzaj)* terbitan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Mohd Hasrul Shuhari (2024) turut berkongsi laporan Seminar Antarabangsa Ahli Sunnah Wal Jamaah: Manhaj Akidah Majoriti Ahli Hadis 2023 (ASWAJA 2023), anjuran Pusat Pengajian Usuluddin, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bahawa Ahli Sunah Wal Jamaah adalah aliran majoriti dan paling dominan dalam sejarah umat Islam yang mengikuti Sunnah Nabi SAW dan jemaah para sahabat baginda. Manhaj ini dirumuskan dan dikembangkan oleh generasi salaf dan khalaf yang terdiri dari golongan al-Asha'irah, al-Maturidiyyah dan Ahl al-Hadith al-Mufawwidah (atau disebut juga sebagai al-Hanabilah atau al-Athariyyah). Laporan yang dikongsikan adalah selaras dengan pendapat seorang alim ulama Hadis bermazhab Hanbali, Syeikh Muhammad bin Ahmad Assafarini (1114-1188H.) iaitu Ahli Sunah Wal Jamaah ada tiga kumpulan: Al-Athariyyah (Ahli Hadis) pengikut Imam Ahmad, Al-Asy'ariyyah pengikut Imam Abu al-Hasan dan Al-Maturidiyyah pengikut Imam Abu al-Mansur (Assafarini, 1991).

Selain itu, Muhammad al-Tijani al-Samawi (lahir 1943 M.) turut mengemukakan hasil dapatan kajian sejarah yang dijalankan oleh beliau. Kajian tersebut menunjukkan bahawa perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah merujuk kepada pengikut sunah Mu'awiyah (15 SH.-60 H.) dan persetujuan terhadapnya, bukan bermaksud mengikut sunah Baginda Rasulullah (al-Samawi, 1993). Ekoran pemahaman yang dikemukakan, maka lahir sebuah buku bertajuk *Al-Syi'ah Hum Ahl al-Sunah* (Syiah, Mereka Adalah Ahli Sunnah Wal Jamaah) karangan Muhammad al-Tijani al-Samawi, terbitan Mu'assasah al-Fajr, London.

## KEMUNCULAN PERKATAAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Abu al-Laith Al-Samarqandi (333-373 H.) dalam *Bab al-'Amal bi al-Sunnah* (Bab Beramal dengan Sunah) telah menyandarkan perkataan “*Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*” kepada Rasulullah SAW. menerusi hadis bilangan 903 yang bermaksud:

Terpecah Bani Israil menjadi tujuh puluh satu puak dan umat ku akan terpecah menjadi tujuh puluh dua puak. Tujuh puluh satu masuk neraka dan hanya satu

masuk syurga. Para Sahabat bertanya: Siapa mereka wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah.

Hadis tentang terpecahnya umat Islam di atas, tidak boleh dijadikan sandaran dalam menentukan titik permulaan kemunculan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana ia diriwayatkan dengan lafaz-lafaz yang berbeza dan hampir sama. Antaranya menyebut “**ما أنا عليه“ و أصحابي**” (apa yang aku dan sahabat ku lakukan) Hadis Hasan (Al-Tirmizi: 2641), “**من كان على مثل ما أنا عليه“ الجماعة**” (Jemaah) (Ibn Majah: 3993) (Hadis Sahih) (Ma‘ruf, t.th: 472) “**السود“ و أصحابي**” (Mereka yang melakukan sama seperti apa yang aku dan sahabat ku lakukan), “**الإاعظم“ و أصحابي**” (majoriti ulama sepanjang zaman) dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak pernah digunakan pada zaman Rasulullah SAW, malah ia adalah istilah tambahan para perawi mengikut kesesuaian perkembangan semasa.

Tentang istilah Ahl al-Sunnah pula, Muhammad bin Sirin (32-110 H.) berkata:

”لم يكونوا يسألون عن الإسناد فلما وقعت الفتنة قالوا : سموا لنا رجالكم ، فينظر إلى أهل السنة فيؤخذ حديثهم، ويُنظر إلى أهل البدعة فلا يؤخذ حديثهم.“

Maksudnya: “Dahulu mereka tidak pernah menanyakan tentang sanad, namun setelah terjadinya fitnah, mereka mengatakan, ‘Sebutkanlah kepada kami perawi-perawi kalian’, maka dilihatlah riwayat Ahli Sunnah dan diterimalah hadis mereka, lalu dilihat riwayat Ahli bidaah dan ditolaklah hadis mereka (Muslim, hadis no 7).

Hadis di atas menunjukkan bahawa perkataan “Ahli Sunnah” mula direkodkan di bahagian Muqaddimah dalam *Sahih Muslim* melalui hadis riwayat Muhammad bin Sirin. Menerusi rekor tersebut dapat difahami bahawa perkataan “Ahli Sunnah” telah dikenal pasti pada penghujung pemerintahan Khalifah Uthman bin ‘Affan atau yang dikenali sebagai “zaman huru hara” atau “*Fitnah al-Kubra*”. Peristiwa tersebut telah menyebabkan berlaku pembunuhan Khalifah Uthman pada tahun 35 H. Istilah Ahli Sunnah lawannya Ahli Bidaah. Perkataan Ahli Sunnah digunakan bagi tujuan menjaga kesucian beragama dan kebolehpercayaan terhadap fakta-fakta berkaitan dengannya. Menurut laporan Al-Lalaka’i (-418 H.), perkataan Ahli Sunnah turut disebut oleh al-Imam Ahmad bin Hanbal (164-241 H.) dalam *Usul al-Sunnah* (Hanbal, t.th). Nas bertajuk “*Usul al-Sunnah*” pernah ditulis oleh Imam Abu Bakr ‘Abd Allah bin al-Zubair al-Humaidi (-219 H.). Namun, nas tersebut tidak menyebut perkataan Ahli Sunnah.

Manakala perkataan *Al-Jama‘ah* pula, telah direkodkan dalam sebuah hadis riwayat Abu Daud al-Sijistani (202-275 H.) yang bermaksud:

Sesiapa yang keluar jemaah (Islam) walaupun sejengkal maka dia telah melucutkan ikatan Islam daripada tengukunya (Abu Daud: 4758).

Hadis di atas telah direkodkan di bawah *Bab fi al-Khawarij* (Bab pada membicarakan tentang kumpulan Khawarij). Manakala Muhammad bin ‘Abd Allah al-Hakim al-Naisaburi (321-405 H.) pula, merekodkan hadis tersebut sebagai hadis ketiga di bawah perbincangan *Al-Ahadis al-*

Dalah ‘ala an al-Ijma‘ hujah (Hadis-hadis yang menunjukkan Ijma‘ adalah hujah) (Naisaburi, 2006).

Abu Bakr Muhammad bin al-Husain al-Ajuri (360 H.) menukilkan sanad daripada Ibn ‘Abbas (m. 68 H) bahawa maksud muka putih berseri dan muka hitam legam pada ayat 106, surah Ali Imran, “(*Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam.*” adalah penganut Ahli Sunnah Wal Jamaah dan *Ahl al-Bida’ wa al-Ahwa’* (Al-Ajuri, 1997). Maksud sanad yang sama turut dinukilkan oleh Al-Lalaka’i (-418 H.) dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, *Ulu al-‘Ilm* dan *Ahl al-Bid‘ah wa al-Dalalah* (Al-Lalaka’i, t.th). Al-Sahmiy (m. 427 H.) atau yang lebih dikenali sebagai Al-Jurjani (1978), dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan *al-Ahwa’ wa al-Zaigh*. Manakala nukilan oleh Ibn Kathir (700-774 H.) pula, Ahli Sunnah Wal Jamaah dan *Ahl al-Bid‘ah wa al-Firqah* (Ibn Kathir, 1999).

Dalam sebuah tafsir yang dinisbahkan kepada Ibn ‘Abbas, iaitu *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn ‘Abbas* mentafsirkan ayat 106, surah Ali Imran sebagai “hari yang putih muka-muka satu kaum dan hitam muka-muka satu” (Ibn ‘Abbas, 1992). Pentafsiran tersebut, tidak menentukan mana-mana kaum. Manakala dalam *Tafsir Ibn ‘Abbas* atau yang dinamakan sebagai *Sahifah ‘Ali bin Abi Talhah ‘an Ibn ‘Abbas fi Tafsir al-Quran al-Karim* dan kajian *Tafsir Ibn ‘Abbas wa Marwiyatuhu min kutub al-Sunah* yang dijalankan ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd Allah al-Humaidi pula, tidak menyebut sebarang pentafsiran terhadap ayat tersebut.

Pakar perbandingan agama daripada Universiti Sorbonne, Muhammad al-Tijani al-Samawi (lahir 1943 M.), berasal Tunisia, pernah mendapat pendidikan di Universiti Ez-Zitouna, pengikut Sunni dan berpindah kemudiannya kepada ajaran Syiah. Beliau telah menjalankan kajian sejarah dan hasilnya mendapati bahawa setelah Khalifah Uthman meninggal, umat Islam terbahagi kepada pengikut ‘Ali dan pengikut Mu‘awiyah. Apabila Khalifah ‘Ali meninggal maka Muawiyah mengambil alih dan memegang tampuk pemerintahan setelah mengadakan persetujuan perdamaian bersama al-Hasan bin ‘Ali. Maka jadilah Muawiyah sebagai Amir al-Mu‘minin dan dinamakan tahun tersebut sebagai ‘Am al-Jamaah (Tahun Jemaah). Oleh itu, perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah merujuk kepada pengikut sunah Mu‘awiyah dan persetujuan terhadapnya bukan bermaksud mengikut sunah Baginda Rasulullah (al-Samawi, 1993).

Dapatkan kajian tersebut, bukan fakta untuk menolak justifikasi yang direkodkan oleh sebuah hadis riwayat Muhammad bin Sirin tentang kewujudan penggunaan perkataan “Ahli Sunnah” pada zaman Kahlfah Uthman bin ‘Affan. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan perkataan “al-Jamaah” merujuk kepada tahun Jamaah. Tahun yang berlakunya peristiwa persetujuan al-Hasan mengundurkan diri daripada memegang tampuk pemerintahan setelah meninggal Khalifah ‘Ali bin Abi Talib dan menyerahkan sepenuhnya kepada Mu‘awiyah. Namun, belum dijumpai rekod yang boleh dipercayai bahawa perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah telah digunakan pada zaman pemerintahan Mu‘awiyah bin Abi Sufyan.

Johari b. Mat (1997) percaya bahawa istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah mula digunakan setelah berlakunya fitnah dan perpecahan dalam masyarakat Islam bagi tujuan membezakan dengan

golongan serpihan seperti Syiah, Khawarij, Muktazilah dan sebagainya. Kepercayaan tersebut dibina berdasarkan hadis riwayat Muhammad bin Sirin yang direkodkan pada bahagian mukadimah dalam *Sahih Muslim*. Sebenarnya, rekod tersebut menyebut perkataan “Ahli Sunnah” bukan “Ahli Sunnah Wal Jamaah”. Berdasarkan semakan pengkaji setakat ini belum dijumpai mana-mana rekod penggunaan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah pada abad pertama dan kedua hijrah.

Dalam *Matn al-'Aqidah al-Tahawiyyah*, Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad al-Tahawi (238-321 H.) telah menyebut perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pengesahan bahawa akidah yang diterangkan oleh beliau adalah akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut para fuqaha agama seperti Imam Abu Hanifah al-Nu'man bin Thabit (80-150 H.), Abu Yusuf Ya'qub bin Ibrahim al-Ansari (113-182 H.), Abu 'Abd Allah Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani (131-189 H.) (al-Tahawi, 1995).

*Kita mengikut Sunah dan jemaah, mengelakkan keanehan, perselisihan dan perpecahan* (al-Tahawi, 1995)

Di penghujung matan pula, al-Tahawi (1995) telah menyebut beberapa kumpulan yang pegangan akidah mereka berbeza dengan apa yang dianuti oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti *al-Musyabbiyah*, *Muktazilah*, *al-Jahmiyyah*, *al-Jabriyyah*, *al-Qadariyyah* dan sebagainya.

Berdasarkan semakan pengkaji, perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak dijumpai dalam penulisan-penulisan akidah yang dinisbahkan kepada al-Imam Abu Hanifah seperti *Al-Fiqh al-Akbar* dan *al-Fiqh al-Absat*, al-Syaibani seperti *al-Manzumah al-Syaibaniyyah*. Namun begitu, pakar akidah yang turut mengulas *al-Fiqh al-Absat* kemudiannya seperti Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Khamis, pensyarah bidang akidah di Universiti Islam Imam Muhammad bin Saud, menamakan tajuk pertama penulisan *al-Fiqh al-Absat* dengan *Min Usul Ahl al-Sunnah wa al-Jam'aah* (al-Khamis, 1999).

## KEMUNCULAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAAH

Dari sudut sejarah, tiada rekod tepat tentang tarikh kemunculan Ahli Sunnah Wal Jamaah, begitu juga tentang tokoh yang mula memperkenalkan nama Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan umat Islam (Abdul Shukor Husin, 1998 dan Engku Ahmad Zaki Bin Engku Alwi (2007).

Pada zaman nabi dan dua khalifah terawal iaitu Abu Bakr dan Umar, para sahabat memahami isyarat al-Quran dan nas-nasnya. Mereka beriktitikad dengan membersihkan Allah daripada segala kekurangan dan menyerah kepada-Nya apa sahaja yang merasakan persamaan dengan makhluk-Nya. Mereka berkeyakinan bahawa, selain daripada apa yang difahami makna secara zahir, persamaan tersebut juga memiliki makna yang sesuai dengan Allah, lalu mereka menyerahkan kepada-Nya ('Abduh, 1994).

Pemilihan khilafah merupakan isu utama yang menyebabkan berlakunya perselisihan dalam kalangan umat Islam semakin sengit. Akibat konflik ini, tiga kumpulan Islam terbesar telah terbentuk:

1. Syiah ialah kumpulan yang meyakini bahawa ‘Ali bin Abi Talib merupakan individu yang paling berhak menjadi khalifah selepas Rasulullah SAW.
2. Khawarij ialah kumpulan yang menolak timbang tara yang berlaku antara ‘Ali dan Muawiyah. Mereka memberontak terhadap ‘Ali dan berpandangan bahawa khalifah mesti dipilih secara bebas dalam kalangan umat Islam.
3. Murji’ah ialah kumpulan yang membenci perselisihan, menjauhi golongan Syiah dan Khawarij serta menangguhkan keputusan hukuman kepada Allah Taala (Mutawalli, 2018).

Pada zaman kerajaan Bani ‘Abbasiyyah (132-923 H.), pemerintahan Islam bertambah luas iaitu meliputi wilayah-wilayah Parsia dan Rom, serta ramai pula orang-orang Ajam yang memeluk Islam. Mereka berfikir tentang hakikat-hakikat ajaran Islam dari perspektif keyakinan lama. Permasalahan keagamaan mula dibincang kembali di tengah-tengah kaum Muslimin, seperti masalah *al-jabr wa al-ikhtiyar* (keterpaksaan dan kebebasan berkehendak), serta sifat-sifat Allah Taala : apakah sifat-sifat itu sesuatu yang lain dari Zat-Nya, ataukah sifat-sifat dan Zat itu sama? (Abu Zahrah, 1996).

Pada saat inilah, umat Islam terpaksa berhadapan dengan pelbagai pemikiran dan kepercayaan yang datang daripada bekas-bekas penganut agama Yahudi, Kristian, Majusi, Brahman dan lain-lain setelah mereka memeluk Islam. Sebagai reaksi daripada hasil anyaman golongan-golongan tersebut, termasuk juga aliran Muktazilah maka lahirlah penulisan-penulisan dalam kalangan ahli fikah. Antaranya termasuklah *al-Fiqh al-Akbar* (Fikah Terbesar) karangan al-Imam Abu Hanifah, *al-Fiqh al-Akbar* karangan al-Imam Al-Syafi‘i (150-204 H.) dan siri-siri penentangan daripada ulama fikah yang lain seperti al-Imam Malik (93-179 H.) dan al-Imam Ahmad bin Hanbal.

*Al-Tajsim* dan *al-Tasybih* telah tersebar luas, maka Abu Hanifah memberi peringatan bahawa sesungguhnya Allah s.w.t.tidak menyerupai makhluk-Nya dan makhluk-Nya tidak menyerupai-Nya, maka dia adalah seawal-awal mereka yang berkata Allah s.w.t tidak seperti sesuatu (al-Hafni, 1993).

Ajaran Wasil bin ‘Ata’ al-Ghazzal dan para pengikutnya seperti Mu‘ammar bin ‘Abbad (m.220H./835M.), Bisyr bin Mu‘tamar (m.226H./840M.), Abu al-Huzayl al-‘Allaf (135-226H./753-840M.) dan muridnya Ibrahim bin Sayyar al-Nazzam (m.231H./845M.) mendapat sokongan yang baik daripada pihak pemerintah kerajaan Bani ‘Abbasiyyah, al-Ma’mun dan diikuti oleh para pengantinya yang paling dekat iaitu al-Mu’tasim dan al-Wathiq.

Pada sekitar tahun 300H. lahir pula suatu pegangan yang telah disusun atau dikumpul rapi oleh Imam Abu al-Hasan al-Asy‘ari dan pada zaman yang berhampiran, muncul ajaran yang berada di tengah-tengah antara aliran Muktazilah dengan Imam Abu al-Hasan al-Asy‘ari iaitu ajaran Imam Abu Mansur al-Maturidi sebagai kesinambungan daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Imam Abu Hanifah. Menurut Abdul Shukor Husin (1998) kedua-dua tokoh yang cukup terkenal ini telah memberikan sumbangan yang sangat tinggi nilainya kepada penerusan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, sekaligus pembela yang sangat kental dan ikhlas kepada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada gerakan perosak yang menghakis kewibawaannya.

Imam Abu Hasan hidup dan berjuang di sekitar Asia Barat, khususnya Iraq, Syria, Mesir manakala Imam Abu Mansur di Asia Tengah bermastautin di Samarkand, Uzbekistan (Abdul Shukor Husin, 1998). Al-Harbi (1413) berkeyakinan bahawa "kawasan yang dilanda konflik pemikiran dengan arus yang pelbagai, sudah pasti memberi kesan positif dan negatif. Akidah Maturidi menjadi lebih teguh dan berpengaruh dengan kemunculan Abu al-Mu'in al-Nasafi (418/438-508 H.) bersama karya bertajuk *Tabsirah al-Adillah fi Usul al-Din*, disusuli dengan muridnya Abu Hafs 'Umar Najm al-Din al-Nasafi (461-537H./1069-1142M.) bersama karya bertajuk *al-'Aqa'id al-Nasafiyyah* (Akaid Golongan al-Nasafi).

Pada awal abad keempat, berlaku perdebatan antara Abu al-Hasan al-Asy'ari dan gurunya, Abu 'Ali al-Jubba'i (235-303 H.) tentang masalah-masalah yang berkaitan dengan nilai baik dan buruk (*al-Tahsin wa al-Taqbih*). Al-Asy'ari mendesak gurunya tentang perkara-perkara yang tidak dapat dijawab, maka beliau pun berpaling daripada gurunya al-Jubba'i dan berpihak kepada kumpulan Salaf. Al-Asy'ari menyokong doktrin mereka mengikut acuan baru dengan mengutarakan kaedah Ahli Kalam. Maka jadilah doktrin al-Asy'ari sebagai doktrin yang berasingan (Al-Syahrastani, 1993).

Taj al-Din, Abu Nasr 'Abd al-Wahhab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi al-Subki (727-771 H.) melaporkan pujian Abu Muhammad, 'Abd Allah bin Abi Zaid Al-Qairawani (310-386 H.) terhadap al-Asy'ari dengan kata:

Al-Asy'ari tidak lain hanyalah seorang yang terkenal kerana membantah Ahli Bidaah, Qadariyyah, dan Jahmiyah. Beliau berpegang kepada Sunah (Al-Subki, 1964).

Ibn 'Asakir (499-571 H.) turut melaporkan kata pengikut al-'Asyari iaitu Abu Bakr Ibn Furak atau Ibn Faurak (-406 H.):

Syeikh Abu al-Hasan 'Ali bin Ismail al-Asy'ari semoga Allah meridhainya, berpindah dari doktrin Muktazilah kepada mendukung doktrin Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan hujah yang rasional dan beliau menulis buku tentang perkara tersebut (Ibn 'Asakir, 1347 H.).

Ibn Khaldun (732-808 H.) berkeyakinan bahawa Abu al-Hasan al-Asy'ari mengikuti jejak perjuangan Salaf al-Sunnah pada abad ke-3 yang menggunakan pendekatan Kalam sebagai hujah dalam menyangkal Muktazilah. Antaranya Al-Harith bin Asad Al-Muhasibi (170-243 H.), 'Abd Allah bin Said bin Kullab yang lebih dikenali sebagai Ibn Kullab (-245 H.) dan Abu 'Abbas al-Qalanisi (Ibn Kahdun, 2004).

Sebahagian ulama mempertikaikan akidah Ibn Kullab sebagai Ahli Sunnah. Berlakunya pertikaian tersebut, rentetan tuduhan sebagai Ahli Bidaah oleh Imam Ahmad bin Hanbal ketika menghadapi masalah *Khalq al-Quran* (kecipataan al-Quran). Ibn Kullab berpihak kepada Al-Husain al-Karabisi (-248 H.) yang berkeyakinan bahawa Al-Quran yang difirmankan oleh Allah adalah salah satu daripada sifat-Nya. Manakala bacaannya pula, adalah makhluk (Ibn 'Abd al-Barr, 1997). Dalam hal ini, Al-Subki tetap berkeyakinan bahawa Ibn Kullab adalah Ahli Sunnah:

“Walau apa pun, Ibn Kullab adalah seorang Ahli Sunnah” (Al-Subki, 1964).

Abu al-Hasan al-Asy‘ari terkenal kemudiannya dengan pendirian jalan tengah sebagai pendekatan pilihan. Jalan sederhana di antara pendirian Salaf yang menggunakan pendekatan zahir nas dan pendirian pelampau yang tidak sehaluan dengan mereka. Al-Asy‘ari mula menetapkan prinsip akidah berasaskan pemerhatian akal yang sederhana. Tindakan tersebut, turut diragui oleh orang-orang terdahulu dan ramai di antara mereka yang mencabar akidah beliau. Hanabilah telah mengkufur dan menghalalkan darahnya. Pendirian al-Asy‘ari turut mendapat sokongan daripada sekumpulan ulama besar, seperti Abu Bakar al-Baqalani (338-403 H.), al-Isfarayini (-452 H.), Imam al-Haramain (419-478 H.), dan lain-lain. Mereka menggelarkan pendapat al-Asy‘ari sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*. Kedua-dua kuasa besar; kuasa yang berpendirian zahir dan kuasa pelampau dalam mengejar apa yang dihiasi oleh pemikiran telah dikalahkan oleh ulama terkemuka tadi. Setelah dua abad kemudian, kedua-dua kumpulan tersebut, merupakan kumpulan kecil-kecilan yang masih kekal di pinggir-pinggir negara Islam (‘Abduh, 1994).

Pada abad yang ke 5 H., pengikut al-Asy‘ari dan Maturidi atau aliran Asya‘irah dan Maturidiah yang dinamakan dan dikenali dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah menjadi lebih teguh dan berpengaruh dengan munculnya seorang pengikut Imam Abu al-Hasan al-Asy‘ari yang terbesar dan terpenting iaitu Imam al-Ghazzali (Abd.Rahman Haji Abdullah, 1981). Imam al-Ghazzali (450-505H./1058-1111M.) ialah seorang murid kepada Imam al-Haramayn (419-478H/1028-1085M.) dan mempunyai beberapa buah kitab yang terkenal seperti *Ihya’ ‘Ulum al-Din* (Menghidupkan Ilmu-ilmu Agama), *al-Arba‘in fi Usul al-Din* (Empat Puluh tentang Asas-asas Agama), *al-Wajiz* (Perkataan yang Ringkas) dan sebagainya.

Aliran Asya‘irah dan Maturidi sebagai aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah turut diakui oleh pakar sejarah di Turki pada abad ke-10, Ahmad bin Mustafa yang dikenali sebagai Tasykubra Zadah (901-968 H.) dengan kata:

Ketahui olehmu bahawa pemimpin Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Ilmu Kalam adalah dua orang, salah seorang daripada mereka bermazhab Hanafi, dan seorang lagi bermazhab Syafi'i. Adapun Hanafi, beliau adalah Abu Mansur Muhammad bin Mahmud al-Maturidi..., Manakala Syafi'i pula,... Abu al-Hasan al-Asy‘ari (Mustafa, 1985).

Pada abad ke-12 H., Murtada al-Zabidi ketika menghuraikan kitab *Ihya’ ‘Ulum al-Din* karya Imam al-Ghazzali berkata:

“Jika dikatakan Ahli Sunnah Wal Jamaah maka yang dimaksudkan dengan mereka ialah al-Asya‘irah dan al-Maturidiyyah” (Murtada, 1994).

Pada abad ke-13 H., ulama besar Damsyik bermazhab Hanafi, Muhammad Amin bin ‘Abidin yang lebih dikenali dengan Ibnu ‘Abidi (1198-1252 H.) berkata:

“Ahli Sunnah Wal Jemaah ialah golongan al-Asya‘irah dan al-Maturidiyyah” (Ibn ‘Abidin, 1966).

Pandangan yang sama turut direkodkan oleh Said Fudah (2016), buku teks pengajian *Firaq Islamiah* tahun ke-2 mengikut kurikulum peringkat Thanawi sesi 2018-2019 bagi Ma‘had al-Azhar (Mutawalli, 2018) dan Wan Zahidi bin Wan Teh (2024) di bahagian “Pujian Para Ulama Terhadap Imam Abu al-Hasan Asy‘ari Dan Pegangan Akidahnya”.

Ahmad Hamdi pakar Falsafah Islam, Kuliah Dar al-Ulum, Universiti Qaherah telah menjalankan kajian hubungan antara istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan kumpulan Asya‘irah dan Maturidi. Kajian kepustakaan tersebut, turut diterbitkan dalam sebuah artikel bertajuk “*Mustalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah wa ‘Alaqatuhu bi al-‘Asy‘arah wa al-Maturidiyah*”. Hamdi (2020) kemudiannya, merumuskan bahawa istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah bukan istilah eksklusif untuk sesiapa, malah ia merupakan kaedah bagi mereka yang berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunah yang sahih daripada Nabi SAW. Menurut beliau lagi, Asya‘irah dan Maturidi adalah Ahli Sunnah, mereka bukanlah penyebab kepada syirik dan sesat.

Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat (2018) dalam sebuah artikel bertajuk “Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama‘ah, Asha’irah Dan Al-Ash’ari: Satu Pengenalan” berpendapat bahawa Asha’irah merupakan aliran yang menjadi tunjang utama kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pengeluaran Asha’irah daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan tindakan yang melampau dan tidak bertepatan dengan fakta ilmiah.

Sandaran istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada dua tokoh ulama besar iaitu Imam Abu al-Hasan al-Asy‘ari dan Abu Mansur al-Maturidi, bukan bermaksud bahawa kedua mereka merupakan pengasas kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah, sebaliknya ia merupakan suatu pengiktirafan terhadap jasa sumbangan perjuangan mereka dalam mempertahankan kesinambungan akidah yang dibawa oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan salaf soleh daripada penyelewengan dan kesesatan. Di samping mengukuhkan perbahasan dalam berdialog memusnahkan Muktazilah dan ahli bidaah. Kedua-dua tokoh dan pengikut mereka kemudiannya telah menjadi pegangan majoriti umat Islam.

“Manhaj kedua-dua imam ini [Imam Abu al-Hasan al-Asy‘ari dan Abu Mansur al-Maturidi] merupakan kesinambungan daripada asas-asas yang diterima daripada para Sahabat, Tabiin dan seterusnya yang dikenali dengan *Assalafusssoleh* (Wan Zahidi bin Wan Teh, 2024b).

“Ahli Sunah Wal Jamaah berasaskan manhaj kedua-dua imam ini [Imam Abu al-Hasan al-Asy‘ari dan Abu Mansur al-Maturidi] menjadi pegangan seluruh ulama’ ummah daripada mazhab-mazhab maktabar” (Wan Zahidi bin Wan Teh, 2024b).

## DAKWAAN SALAFIAH SEBAGAI AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Ibn Taymiyyah, mendakwa bahawa ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah ajaran yang sudah lama. Ia terkenal sebelum Allah menciptakan Abu Hanifah, Malik, al-Syafi‘i dan Ahmad lagi. Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan ajaran para Sahabat yang diambil secara langsung dari nabi mereka. Sesiapa yang menyanggah ajaran tersebut adalah bidaah menurut ajaran Ahli

Sunnah Wal Jamaah, mereka bersepakat bahawa ijmak para sahabat adalah hujah, dan mereka mempertikaikan ijmak yang berlaku selepas para sahabat (Ibn Taymiyyah, 1986).

Dakwaan Ibn Taymiyyah tidak berasaskan kronologi sejarah kemunculan dan perkembangan penggunaan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah, sebalik beliau merujuk kepada istilah *Al-Sunnah* dan istilah *Al-Jama‘ah* itu sendiri sebagai pendekatan. Istilah-istilah tersebut, telah direkod secara berasingan di dalam kitab-kitab hadis. Kesan dakwaan Ibn Taymiyyah menampakkan bahawa Imam Ahmad bin Hanbal, Ahli Hadis dan Ahli Athar lebih berhak menamakan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Apabila Salafiah mendakwa bahawa mereka merupakan golongan yang mengajak umat Islam kepada pengamalan hadis nabi secara holistik maka dengan sendiri mereka adalah pewaris tunggal Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Adapun golongan yang tidak mengamalkan Sunnah secara holistik maka tergolong di dalam golongan Ahli Bidaah. Menurut Ibn Taymiyyah (1986) keadaan golongan ahli Bidaah dan Ahli Sunnah sama seperti keadaan orang-orang Islam dan orang-orang yang beragama Nasrani dan Yahudi.

## KESIMPULAN

Istilah gabungan Ahli Sunnah Wal Jamaah mula direkod pada penghujung abad ke-3 dan awal abad ke-4. Istilah tersebut turut menjadi rebutan kemudiannya. Salafiah merujuk sudut penggunaan bahasa. Manakala Asya‘irah dan Maturidi pula, merujuk sudut sejarah sumbangan dan perkembangannya. Benih Ahli Sunnah Wal Jamaah telah disemai semenjak zaman awal Islam lagi. Setelah ia membiak dan mengambang, sudah pasti wujudnya perbezaan disebabkan peredaran zaman, tempat dan cabaran. Sekalipun, ketulenan konsep asas Ahli Sunnah Wal Jamaah turut dipertikaikan. Namun, sejarah dinamika penggunaan perkataan Ahli Sunnah Wal Jamaah membuktikan bahawa Asya‘irah dan Maturidi adalah golongan yang paling tinggi sumbangannya dalam melestarikan golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah berbanding dengan Salafiah dan lain-lain.

## RUJUKAN

‘Abduh, Muhammad (1994). *Risalah al-Tawhid*. Beirut dan Qaherah: Dar al-Syuruq

Abdul Rahman Haji Abdullah (1981). *Sejarah dan Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Pena.  
Abdul Shukor Husin (1998) *Ahli Sunah Wal Jamaah Pemahaman Semula*. Dalam Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, 18 Disember, Bilik Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy‘ath (1999) Sunan Abi Daud. Al-Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasy wa al-Tauzi‘.

Abu Zahrah, Imam Muhammad (1996). *Aliran Politik dan ‘Aqidah dalam Islam* (Abd. Rahman Dahlan dan Ahmad Qarib, terj.) dari Tarikh al-Madhab al-Islamiyyah, Jakarta: Logos Publishing House.

Ahl al-Sunnah wa al-'Asya'irah wa al-Maturidiyyah. Dalam *Al-Fatwa Islam Web*, no.38987, Isnin 24 Syaaban 1424 / 20 Oktober 2003, akses 12/04/2024, Al-Idarah al-'Amah li al-'Wqaf, islamweb.net

Al-Ajuri, Abu Bakr Muhammad bin al-Husain (1997) *Kitab al-Syari 'ah*. Riyadh: Dar al-Watan.

Al-Assafarini, Muhammad bin Ahmad (1991) *Lawami 'al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati 'al-Asrar al-Athariyyah*. Riyadh: Dar al-Khani.

Al-Bakki, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abi al-Fadl Qasim (1995) Matn Tahrir al-Matalib li ma Tadhammanathu 'Aqidah Ibn al-Hajib. Dalam Tahrir al-Matalib li ma Tadhammanathu 'Aqidah Ibn al-Hajib Dirasah wa Tahqiq. Tesis Ph,D., Pakistan: Jami'ah al-Panjab. ms.149-402.

Engku Ahmad Zaki Bin Engku Alwi (2007) "Definisi Ahl Al - Sunnah Wa Al - Jama'ah: Satu Analisis". Dalam *Jurnal Usuluddin*. Bil. 25, Januari 2002, Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya. ms. 125-143.

Fudah, Said (2016) *Ta'rif 'Am bi Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Dalam *Al-Mu'tamar al-'Alami li 'Ulama al-Muslimin: Man Hum Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Grozny. 25-27 Ogos 2016.

Al-Hafni, 'Abd al-Mun'im (1993). *Mausu'ah al-Firaq wa al-Jama'ah wa Madhahib al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Rasyad.

Hanbal, Ahmad (t.th.) *Usul al-Sunah*. Ma'had al-Mirath al-Nabawi.

Hamdi, Ahmad (2020) "Mustalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah wa 'Alaqatuhu bi al-'Asy'iarah wa al-Maturidiyah". Dalam *Majallah al-Jam'iyyah al-Falsafiyah al-Misriyyah*. jil 29, bil 29. Iskandariyah: Markaz Levant li Dirasat al-Thaqafiyyah wa Nasyr. ms. 13-44. Akses 8/4/2024. <https://mafa.journals.ekb.eg/>

Al-Harbi, Ahmad bin 'Awad Allah bin Dakhil Al-Luhaibi (1413 H.) *Al-Maturidiyyah Dirasatan wa Taqwiman*. Riyadh: Dar al-'Asimah.

Ibn 'Abbas (1992) *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn 'Abd al-Barr, Abu 'Umar Yusuf bin 'Abd al-Barr al-Andalusi (1997) *Al-Intiqa' fi Fadha 'il al-A'imma al-Thalathah al-Fuqaha'*. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.

Ibn 'Abidin (1966) *Hasyiyah Rad al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.

Ibn 'Asakir, Abu al-Qasim 'Ali bin al-Hasan (1347H.) *Tabyin Kadhib al-Muftari fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-'Asy'ari*. Dimasyq: Al-Qudsi.

Ibn Kathir (1999) *Tafsir al-Quran al-'Azim*. 2<sup>nd</sup>. Al-Riyadh: Dar Tayyibah.

Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad (2004) *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Dimasyq: Maktabah al-Hidayah.

Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid (t.th.) *Sunan Ibn Majah*. Jil 5, Ma'ruf, Basysyar 'Awwar ed. Beirut: Dar al-Jalil.

Ibn Manzur, Abu al-Fadhl Jamal al-Din (1405) *Lisan al-'Arab*. Jil 8, 13, Qom: Nasy Adab al-Hawzah.

Ibn Taymiyyah, Abu al-‘Abbas Taqiy al-Din Ahmad bin ‘Abd al-Halim (1986) *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Jil.2, tk.: tp.

Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa (2016) *Manhaj Akidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah*. Putrajaya: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Johari b. Mat (1997) “Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah: Satu Pengenalan”. Dalam *Jurnal Usuluddin*. Bil. 6, Julai 1997, Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya. ms. 1-22.

Al-Khamis, Muhammad bin ‘Abd al-Rahman (1999) *Al-Syarh al-Muyassar ‘ala al-Fiqhain al-Absat wa al-Akbar al-Mansubain li Abi Hanifah*. Ajman: Maktabah al-Furqan.

Al-Lalaka’i, Abu al-Qasim Hibatullah ibn al-Hasan bin Mansur al-Tabari (t.th) *Syarah Usul I’tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*. Jil.1. Iskandariah: Dar al-Basirah.

Mohd Hasrul Shuhari (2024) “Waspada ‘Penglipur Lara’ dalam Isu Akidah”. Dalam *Harian Metro*, disiarkan 25 Jun 2024, ekses 25 Jun 2024 <https://www.hmetro.com.my/addin/2024/06/1104138/waspada-penglipur-lara-dalam-isu-akidah>

Muhammad Ayman Al-Akiti (t.th) *Man Hum Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah* (Selangor Namuzajan) : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). ekses 3 September 2024. <http://irep.iium.my>

Mustafa, Ahmad (1985) *Miftah al-Sa‘adah wa Mishbah al-Siyadah fi Maudhu‘at al-‘Ulum*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Murtada, Al-Sayyid Muhammad bin Muhammad al-Husaini al-Zabidi (1994) *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Syarhi Ihya’ Ulum al-Din*. Jil 2. Beirut: Mu’assasah al-Tarikh al-‘Arabi.

Muslim (1998) *Sahih Muslim*. Riyadh: Bait al-Afkar.

Mutawalli, Hasan al-Sayyid (2018) *Muzakkirah al-Firaq*. Al-Qahirah: Al-Azhar.

Al-Naisaburi, Abu ‘Abd Allah (2006) *Al-Mustadrak ‘ala al-Sahihain*. Berut: Dar al-Ma‘rifah.

Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat (2018) “Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama’ah, Asha’irah Dan Al-Ash’ari: Satu Pengenalan. Dalam *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil.30. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Al-Sahmiy (1987) *Tarikh Jurjan*. 4<sup>th</sup> ed. Beirut: Alam al-Kutub.

Al-Samarqand, Abu al-Laith Nasr bin Muhammad al-Hanafi (2000) *Tanbih al-Ghafilin*. 3ed. Damsyik & Beirut: Dar Ibn Kathir.

Al-Samawi, Muhammad al-Tijani (1993) *Thumma Ihtadait*. 4<sup>th</sup> ed. London: Mu’assasah al-Fajr.

Al-Subki, Taj al-Din Abu Nasr ‘Abd al-Wahhab bin ‘Ali bin ‘Abd al-Kafi (1964) *Tabaqat al-Syafi‘yyah al-Kubra*. Al-Qahirah: Fasal ‘Isa al-Babi al-Halabi.

Al-Suwaidan, Tareq (2014) Al-Salafiyyah al-Yaum Firqah li Tafriq Ahl a-Sunnah. Dalam *atv Kuwait*. Akses 26/04/2023. [www.youtube.com](http://www.youtube.com)

Al-Syahrastani, Abu al-Fath Muhammad bin ‘Abd al-Karim (1993) *Al-Milal wa al-Ninthal*. Jil 1. Beirut: Dar Ma‘rifah

Al-Tahawi, Abu Ja‘far (1995) *Matn al-‘Aqidah al-Tahawiyah Bayan ‘Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al-Tirmizi, Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa (2015) *Sunan al-Tirmizi*. 2ed. Al-Riyad: Dar al-Hadarah li al-Nasyr wa al-Tauzi‘.

Wan Zahidi bin Wan Teh (2024) *Pengaruh Ahli Sunah Waljamaah dalam Pembangunan Ummah*. Ipoh: Jabatan Mufti Negeri Perak.

Wan Zahidi bin Wan Teh (2024b) *Risalah Mufti Abu Hassan al-Asya’ari: Imam Ahli Sunnah Waljamaah*. Ipoh: Jabatan Mufti Negeri Perak.

Zakaria Stapa, (2011) *Kedudukan Pemikiran al-Ash'ari dan al-Maturidi dalam Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah*. Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies, 33 . pp. 37-44. ISSN 0216-5636